



ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE

IKLAN JAWATAN KOSONG DI JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

1. Warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas, terdiri daripada **ANAK NEGERI SELANGOR** yang berkelayakan dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan untuk mengisi jawatan perkhidmatan **KONTRAK** seperti senarai dibawah
2. Tarikh tutup permohonan ialah pada **28 Mei 2024 (Selasa)**

BIL.	JAWATAN / GRED	KUMPULAN PERKHIDMATAN	KEPERLUAN	KEKOSONGAN
1.	Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41 (Pengurus)	Pengurusan dan Profesional	Lelaki	20
2.	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S29 (Penolong Pengurus)	Pelaksana	Lelaki	20
3.	Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S19 (Pembantu Pengurus)	Pelaksana	Lelaki	40

3. Permohonan hendaklah dibuat dengan melengkapkan **Borang Permohonan Keluaran 02(10.08.2015) : Pindaan 00**. Borang tersebut boleh diperolehi di:
 - i. Laman web rasmi Jabatan Agama Islam Selangor melalui pautan <https://www.jais.gov.my/>
 - ii. Kaunter Jabatan Agama Islam Selangor di alamat:

Jabatan Agama Islam Selangor,
Aras Bawah (G),
Bangunan Sultan Idris Shah,
40676 Shah Alam

iii. Kaunter Unit Pengurusan Sumber Manusia di alamat:

Jabatan Agama Islam Selangor,
Tingkat 1, Menara Selatan,
Bangunan Sultan Iris Shah,
40676 Shah Alam

4. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran pasport, salinan kad pengenalan, salinan kad pengenalan ibu dan bapa serta salinan sijil kelahiran pemohon, sijil-sijil persekolahan dan lain-lain dokumen yang berkaitan.
5. Semua Salinan sijil hendaklah **diakui sah oleh Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 dan keatas**
6. Nama dan jawatan yang dipohon hendaklah ditulis di sebelah atas kiri sampul surat
7. Permohonan yang berikut akan **ditolak/ tidak akan diproses** jika :
 - i. tidak disertai dengan dokumen yang diperlukan;
 - ii. tidak lengkap atau tidak terang;
 - iii. tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan;
 - iv. tidak besertakan gambar; dan
 - v. tidak ditandatangani.
8. Permohonan hendaklah dihantar kepada Alamat seperti berikut :

**UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR
TINGKAT 1, MENARA SELATAN,
BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH
NO. 2, PERSIARAN MASJID, BUKIT SUK
SEKSYEN 5,
40676 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN**

Sebelum atau pada **28 Mei 2024 (Selasa) jam 12.00 tengahari**.

9. Hanya calon yang berkelayakan dan melepasi tapisan sahaja yang akan dipanggil temuduga.
10. Permohonan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA** sekiranya tidak dihubungi dalam tempoh masa seperti yang berikut:
 - i. selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup; atau
 - ii. selepas 6 bulan dari tarikh temuduga (sekiranya berjaya dipanggil temuduga).
11. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi urusetia **Unit Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Agama Islam Selangor** di talian: **03-5514 3418/ 3536/ 3541**.

SYARAT LANTIKAN DAN JADUAL GAJI

JAWATAN	: Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41 (Pengurus)
KEPERLUAN	: Lelaki
TARAF JAWATAN	: Kontrak (<i>Contract Of Service</i>)
KUMPULAN	
PERKHIDMATAN	: Pengurusan dan Profesional

1. JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM:

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM 2,078.00	RM 9,544.00	RM 225.00

2. SYARAT LANTIKAN:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a)
 - i. Pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
 - ii. Ibu atau bapa pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
 - iii. Pemohon tidak lahir di Negeri Selangor tetapi telah menetap di Negeri Selangor melebihi 15 tahun; dan
 - iv. Pembuktian bagi mana-mana syarat di para (i), (ii) atau (iii) hendaklah dikemukakan melalui dokumen-dokumen yang sah di sisi undang-undang dan beban pembuktian terletak sepenuhnya kepada tanggungjawab pemohon sendiri.
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

- c) i. ijazah sarjana muda dalam bidang pengajian islam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred S41 : RM2,078.00); atau
- ii. ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang pengajian islam berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred S41 : RM2,281.86).
- d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- e) Keutamaan diberikan kepada calon yang berkemahiran dalam Qiraah Al-Quran secara tartil dan bertajwid menepati standard yang ditetapkan.

3. DESKRIPSI TUGAS:

- a) Memastikan Pengurusan Pentadbiran Masjid diurus dengan baik berdasarkan garis panduan yang berkuat kuasa.
- b) Melaksanakan tugas-tugas Imam 1 dan mengimamkan solat fardhu dan apa-apa solat berjemaah lain di masjid.
- c) Memastikan pengurusan kewangan masjid diurus dengan baik mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.
- d) Memastikan Ibadah dilaksanakan mengikut Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Syariah Islam.
- e) Bertanggungjawab merancang dan melaksana program-program pengimarahannya dan keagamaan di masjid.

Syarat tambahan:

- a) Mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam tugas pengurusan dan pentadbiran pejabat.
- b) Berkemahiran dalam komunikasi dan memahami tugas-tugas Imam.
- c) Mempunyai perwatakan dan peribadi yang sesuai sebagai seorang Pengurus/Imam/Penyelia.
- d) Sedia belajar dan mematuhi arahan kompetensi bagi meningkatkan tahap profesionalisme Imam.
- e) Menguasai kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

SYARAT LANTIKAN DAN JADUAL GAJI

JAWATAN	: Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S29 (Penolong Pengurus)
KEPERLUAN	: Lelaki
TARAF JAWATAN	: Kontrak (<i>Contract Of Service</i>)
KUMPULAN	
PERKHIDMATAN	: Pelaksana

1. JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM:

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM 1,493.00	RM 5,672.00	RM 145.00

2. SYARAT LANTIKAN:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a)
 - i. Pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
 - ii. Ibu atau bapa pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
 - iii. Pemohon tidak lahir di Negeri Selangor tetapi telah menetap di Negeri Selangor melebihi 15 tahun; dan
 - iv. Pembuktian bagi mana-mana syarat di para (i), (ii) atau (iii) hendaklah dikemukakan melalui dokumen-dokumen yang sah di sisi undang-undang dan beban pembuktian terletak sepenuhnya kepada tanggungjawab pemohon sendiri.
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

- c)
 - i. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat prinsipal dalam subjek Syariah, Usuluddin atau Bahasa Arab.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S29: RM1,493.00); atau
 - ii. Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S29: RM1,493.00); atau
 - iii. Diploma dalam bidang tahfiz Al-Quran, pengajian Islam atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S29: RM1,770.95).
- d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

3. DESKRIPSI TUGAS:

- a) Membantu dalam mengurus, mengawal dan menyelia pengurusan kewangan masjid dengan baik berpandukan Garis Panduan Pengurusan Kewangan dan Perolehan Masjid dan Surau Negeri Selangor.
- b) Melaksanakan tugas-tugas Imam 2 dan mengimamkan solat fardhu dan solat berjemaah lain di masjid.
- c) Bertanggungjawab menyediakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan tahunan masjid.
- d) Memastikan pemantauan fizikal dan prasarana masjid dalam keadaan kondusif dan selamat.
- e) Memastikan semua penceramah yang dijemput mempunyai tauliah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Syarat tambahan:

- a) Mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam tugas pengurusan kewangan dan tatacara perolehan.
- b) Berkemahiran dalam komunikasi dan memahami tugas-tugas keimaman.
- c) Menguasai kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).
- d) Sedia belajar dan mematuhi arahan kompetensi bagi meningkatkan tahap profesionalisme Imam.

SYARAT LANTIKAN DAN JADUAL GAJI

JAWATAN	: Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S19 (Pembantu Pengurus)
KEPERLUAN	: Lelaki
TARAF JAWATAN	: Kontrak (<i>Contract Of Service</i>)
KUMPULAN	
PERKHIDMATAN	: Pelaksana

1. JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM:

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM 1,352.00	RM 4,003.00	RM 100.00

2. SYARAT LANTIKAN:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a)
 - i. Pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
 - ii. Ibu atau bapa pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
 - iii. Pemohon tidak lahir di Negeri Selangor tetapi telah menetap di Negeri Selangor melebihi 15 tahun; dan
 - iv. Pembuktian bagi mana-mana syarat di para (i), (ii) atau (iii) hendaklah dikemukakan melalui dokumen-dokumen yang sah di sisi undang-undang dan beban pembuktian terletak sepenuhnya kepada tanggungjawab pemohon sendiri.
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

- c) i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta:
- Kepujian dalam salah satu subjek Pendidikan Islam, Pendidikan Al-Quran & As-Sunnah atau Pendidikan Syariah Islamiah; dan
 - Lulus dalam subjek Bahasa Arab, Bahasa Arab Tinggi atau Bahasa Arab (Komunikasi).
- (Gaji permulaan pada Gred S19: RM1,352.00); atau
- ii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (Gaji permulaan pada Gred S19: RM1,408.40); atau
- iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (Gaji permulaan pada Gred S19: RM1,464.80)
- d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

3. DESKRIPSI TUGAS:

- a) Bertanggungjawab membantu menguruskan pentadbiran dan keperluan pejabat masjid dengan baik.
- b) Melaksanakan tugas-tugas dalam membantu melicinkan perjalanan urusan pejabat seharian melibatkan pergerakan fail, penghantaran dan pendaftaran surat/dokumen/notis/aset/inventori dan lain-lain.
- c) Bertanggungjawab memastikan aset dan inventori masjid diselia dan direkod dengan baik.
- d) Melaksanakan tugas sebagai muazzin dan siak di masjid.

- e) Membantu melaksanakan urusan pengurusan jenazah dan tugas-tugas yang diarah dari semasa ke semasa.

Syarat tambahan:

- a) Mempunyai pengetahuan dan mahir dalam penggunaan komputer dan perisiannya seperti Microsoft Office, Adobe, AI dan lain-lain.
- b) Berkemahiran dalam komunikasi dan memahami tugas-tugas muazzin dan siak.
- c) Mempunyai suara yang jelas dan merdu adalah satu kelebihan.
- d) Sedia belajar dan mematuhi arahan kompetensi bagi meningkatkan tahap profesionalisme muazzin.